

IDAMAN PHARMA MAGNESIUM TRISILICATE TABLET COMPOUND

Magnesium Trisilicate (250mg) dan Dried Aluminium Hydroxide (120mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Idaman Pharma Magnesium Trisilicate Tablet Compound
2. Bagaimana Idaman Pharma Magnesium Trisilicate Tablet Compound berfungsi
3. Sebelum menggunakan Idaman Pharma Magnesium Trisilicate Tablet Compound
4. Cara menggunakan Idaman Pharma Magnesium Trisilicate Tablet Compound
5. Semasa menggunakan Idaman Pharma Magnesium Trisilicate Tablet Compound
6. Kesan-kesan Sampingan
7. Cara Penyimpanan dan Pelupusan Idaman Pharma Magnesium Trisilicate Tablet Compound
8. Maklumat Lanjut
9. Pemegang Pendaftaran Produk dan Pengilang
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Idaman Pharma Magnesium Trisilicate Tablet Compound

Idaman Pharma Magnesium Trisilicate Tablet Compound ialah kumpulan ubat yang dipanggil antasid. Ubat ini digunakan untuk melegakan masalah berikut:

- Untuk melegakan gejala ketidak selesaan perut yang berkaitan keterlebihan asid (pedih ulu hati dan ketidakhadaman).
- Gastrik dan ulser.
- Untuk rawatan gejala penyakit refluks gastroesophageal (keadaan jangka panjang di mana asid dari perut datang ke kerongkong)

Bagaimana Idaman Pharma Magnesium Trisilicate Tablet Compound berfungsi

Idaman Pharma Magnesium Trisilicate Tablet Compound ialah ubat yang membantu pengimbangan pH di dalam perut. Perut mengandungi asid semula jadi dan kadang-kadang asid ini menjadi terlalu banyak dan menyebabkan keadaan terlalu berasid.

Idaman Pharma Magnesium Trisilicate Tablet Compound berfungsi untuk meneutralkan atau penampungan kuantiti asid perut dan mengurangkan kepekatan asid di dalam lumen esofagus.

Sebelum mengambil Idaman Pharma Magnesium Trisilicate Tablet Compound

- Bila tidak boleh menggunakan

Idaman Pharma Magnesium Trisilicate Tablet Compound tidak boleh diberikan kepada pesakit dengan keadaan kesihatan berikut:

- Pesakit dengan masalah buah pinggang.
- Untuk kanak-kanak (sehingga 6 tahun), melainkan jika diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi. Disebabkan kanak-kanak biasanya tidak dapat menghuraikan gejala-gejala mereka dengan tepat, diagnosis yang sesuai harus dilakukan sebelum penggunaan Idaman Pharma Magnesium Trisilicate Tablet Compound.
- Jika anda alah kepada mana-mana bahan-bahan yang terkandung dalam ubat ini seperti yang disenaraikan pada akhir risalah ini.

- Sebelum mula menggunakan

Beritahu doktor dan ahli farmasi jika anda mempunyai sebarang keadaan berikut:

- Warga tua
- Penyakit tulang metabolic
- Penyakit Alzheimer
- Appendiks (Keradangan)
- Masalah usus dan pencernaan
- Simptom masalah usus dan pencernaan seperti sembelit, najis besar dan keras dan cirit-birit dalam jangka masa yang panjang
- Buasir
- Fungsi buah pinggang terjejas

Kehamilan dan Menyusu

Idaman Pharma Magnesium Trisilicate Tablet Compound adalah secara umumnya selamat selagi dos tinggi yang berpanjangan dielakkan. Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil ubat ini.

Tiada bukti yang menyatakan Magnesium Trisilicate atau Aluminium Hydroxide yang diberikan secara oral mempunyai kesan buruk terhadap kehamilan atau kesihatan janin/anak yang baru lahir.

Magnesium tidak dapat diserap dengan baik dan walaupun terdapat sedikit di dalam susu ibu, ia tidak mungkin menyebabkan masalah kepada bayi yang

disusui walaupun boleh menyebabkan cirit-birit. Aluminium tidak mungkin menyebabkan masalah pada bayi yang disusui,

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor dan ahli farmasi anda jika anda mengambil, sedang mengambil atau mungkin mengambil ubat-ubat lain, termasuk ubat yang anda beli tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya atau kedai makanan kesihatan.

Gabungan yang mengandungi mana-mana ubat berikut, bergantung kepada jumlah yang ada, boleh berinteraksi dengan ubat berikut:

- Steroid anabolik
- Coumarin oral atau thioxanthenes (rawatan untuk keadaan mental, emosi serta
- Vitamin D termasuk calcitriol
- Antibiotik yang mengandungi tetracyclines.

Idaman Pharma Magnesium Trisilicate Tablet Compound boleh mengubah cara badan anda menyerap ubat-ubatan lain yang anda ambil.

Cara menggunakan Idaman Pharma Magnesium Trisilicate Tablet Compound

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini.

Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

Ubat ini hendaklah dikunyah terlebih dahulu sebelum ditelan.

- Berapa banyak perlu digunakan

Dewasa:

Satu atau dua tablet harus dikunyah apabila diperlukan (biasanya antara waktu makan dan waktu tidur).

Kanak-kanak: Tidak digalakkan untuk diberikan kepada kanak-kanak.

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

IDAMAN PHARMA MAGNESIUM TRISILICATE TABLET COMPOUND

Magnesium Trisilicate (250mg) dan Dried Aluminium Hydroxide (120mg)

- Berapa lama perlu digunakan

Jangan ambil Magnesium Trisilicate Tablet Compound lebih dari 8 tablet dalam tempoh 24 jam atau 8 tablet sehari lebih daripada 2 minggu berturut-turut kecuali atas nasihat dan pengawasan doktor atau ahli farmasi.

- Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa mengambil ubat ini. Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos yang seterusnya, abaikan dos yang terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos yang berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan di hospital terdekat, jika mengambil dos yang berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Idaman Pharma Magnesium Trisilicate Tablet Compound

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang mengambil Idaman Pharma Magnesium Trisilicate Tablet Compound.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda telah hamil semasa mengambil ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan ambil produk ini jika anda sedang mengambil ubat antibiotik yang ditetapkan yang mengandungi apa-apa bentuk tetracycline.

Jangan berhenti mengambil ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi Idaman Pharma Magnesium Trisilicate Tablet Compound dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Idaman Pharma Magnesium Trisilicate Tablet Compound tidak boleh diberikan kepada kanak-kanak (berumur sehingga 6 tahun) melainkan dipreskripsikan oleh doktor atau ahli farmasi.

Penyakit tulang metabolik yang biasa dilihat pada orang tua disebabkan oleh penggunaan aluminium yang mengandungi antasid secara berpanjangan.

Penilaian risiko dan manfaat harus dipertimbangkan semasa menggunakan ubat ini dan berunding dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Pesakit dengan masalah keturunan yang jarang berlaku iaitu intoleransi fruktosa, malabsorpsi glukosa-galaktosa atau kekurangan sukrase-isomaltase tidak boleh mengambil ubat ini.

Kesan-kesan Sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Idaman Pharma Magnesium Trisilicate Tablet Compound boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas mengambil ubat ini.

- Sakit tulang atau bengkak pada pergelangan tangan atau buku lali, kelemahan otot atau keletihan yang luar daripada kebiasaan dengan pengambilan yang berpanjangan.
- Sembelit berterusan yang teruk dengan pengambilan dos yang besar.
- Rasa tidak selesa.
- Hilang selera makan.
- Cirit-birit.
- *Hypermagnesaemia* (Kadar magnesium yang tinggi di dalam darah).
- Tekanan darah yang rendah.
- Mengantuk.
- Kekeliruan.
- Kesukaran bernafas.
- Pembentukan batu karang.

- Reaksi hipersensitiviti seperti ruam, pruritus (gatal), bengkak muka dan edema periorbital (bengkak di sekitar mata).

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumers* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Cara Penyimpanan dan Pelupusan Idaman Pharma Magnesium Trisilicate Tablet Compound

- Penyimpanan

Pastikan semua ubat tidak dapat dilihat dan dicapai oleh kanak-kanak.

Simpan dibawah suhu 30°C dan kebawah. Lindungi dari cahaya dan kelembapan.

Jangan simpan ubat ini didalam bilik mandi, berdekatan dengan sinki atau tingkap.

Jangan meninggalkan ubat ini di dalam kereta semasa cuaca panas. Kapanasan dan kelembapan akan merosakkan sesetengah ubat.

Jangan ambil ubat ini sekiranya telah melewati tarikh tamat tempoh yang dicetak pada bungkusannya. Tarikh luput merujuk kepada hari terakhir dalam sesuatu bulan.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat Lanjut

- Rupa dan warna produk

Tablet putih berbentuk bulat rata, dengan berbentuk serong pada hujungnya dan mempunyai garisan pada sebelah permukaan.

- Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif:

- Magnesium Trisilicate 250mg
- Aluminum Hydroxide 120mg

IDAMAN PHARMA MAGNESIUM TRISILICATE TABLET COMPOUND

Magnesium Trisilicate (250mg) dan Dried Aluminium Hydroxide (120mg)

Bahan tidak aktif:

- *Sugar*
- *Corn Starch*
- *Sodium Benzoate*
- *Saccharin Sodium*
- *Purified Water*
- *Peppermint Oil*
- *Magnesium Stearate*

- Nombor MAL

MAL21056002X

Pemegang Pendaftaran Produk dan Pengilang

Idaman Pharma Manufacturing Sdn Bhd
(200401023395)

Lot 24 & 25, Jalan Perusahaan Lapan,
Bakar Arang Industrial Estate, 08000
Sungai Petani, Kedah Darul Aman
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

02/03/2021

Nombor Siri

NPRA (R2) 20/154